

Maklumat Komoditi : Lengkuas

Maklumat Umum

PENGENALAN


Lengkuas (*Alpinia galanga*) adalah sejenis herba berumbisi dari keluarga Zingiberaceae, sama seperti halia dan kunyit. Tumbuhan ini berasal daripada Asia Tenggara. Kebanyakan lengkuas yang di tanam di Malaysia adalah dari varieti yang banyak digunakan dalam masakan.

Lengkuas sering dipakai oleh kaum wanita sebagai penyedap masakan. Tanaman ini boleh hidup di dataran tanah rendah dan dataran tanah tinggi sehingga 1,200 meter diatas permukaan laut.

CIRI-CIRI MORFOLOGI

Sejenis tumbuhan tegak yang tinggi batangnya mencapai 2-2.5 meter. Ada dua jenis lengkuas yang di kenali iaitu varieti merah dan varieti putih. Varieti putih yang digunakan sebagai penyedap masakan dan varieti merah diguna sebagai ubat. Lengkuas mempunyai batang yang terdiri dari susunan pelepah daun. Daunnya berbentuk bulat panjang. Daun yang terdapat pada bahagian bawah terdiri dari pelepah sahaja, manakala bahagian atas batang terdiri dari pelepah lengkap dengan helaian daun. Rizom lengkuas adalah dan mempunyai aroma yang tersendiri.

Pokok lengkuas



Pokok lengkuas

KHASIAT DAN KEGUNAAN

Rizom lengkuas digunakan sebagai tonik penghadaman, anti-emetik, anti-kulat, antitumor, anti-helmintik, anti-diuretik, anti-ulseratif, penghadaman. Ekstrak rizom menunjukkan terdapat aktiviti anti-tuberkular, hipotermia, sakit perut bronkial, tonik, perut dan perangsang.

Ia juga digunakan sebagai penenang, meningkatkan selera makan, penyakit jantung, tonik afrodisiak, sakit reumatik, sakit dada, kencing manis, penyakit buah pinggang, pembasmian kuman. Rizom ini juga digunakan sebagai anti-mikrob, anti-bakteria, anti-radang dan agen perasa.

Bijinya digunakan sebagai kardiotonik, diuretik, hipotonik, antiplatlet, anti-tumor dan anti-kulat.

Kesesuaian Tanaman

Tiada Rekod Ditemui

Penyediaan Tanah

Tiada Rekod Ditemui

Pengairan Dan Saliran

Tiada Rekod Ditemui

Sistem Penanaman

Secara komersil pokok lengkuas boleh ditanam sebagai tanaman utama di kawasan terbuka atau sebagai tanaman selingan di dusun buah-buahan atau di ladang getah. Secara kecil-kecilan ia boleh ditanam di keliling rumah. Kawasan penanaman tidak perlu dibersihkan sepenuhnya kerana pokok lengkuas berasal dari hutan. Hanya lorong antara pokok sahaja perlu dibersihkan.

Penanaman

Kuantiti benih	12,500 biji/hektar
Jarak tanaman	1meter x 1meter
Kepadatan	Sistem tanaman tunggal 12,500 rumpun/hektar
Lubang Tanaman	20cm x 20cm x 20cm

pokok lengkuas



Sistem Pembajaan

Tiada Rekod Ditemui

Penuaian

PENUAIAN HASIL & PENGENDALIAN LEPAS TUAI

Tempoh masa terbaik untuk tuai ialah 8-12 bulan selepas tanam. Cara menuai ialah mengeluarkan umbisi dengan peralatan sesuai, buang akar dan batang dan potong umbisi mengikut saiz yang sesuai. Perdu perlu dipecahkan atau diasingkan daripada rumpun kira-kira 2-4 rizom satu bahagian bagi tujuan pemasaran. Seterusnya lengkuas dibersihkan daripada kekotoran dengan air bersih. Lengkuas mampu bertahan selama 30 hari sekiranya disimpan dengan baik.

Anggaran hasil ialah 10kg umbisi bagi serumpun lengkuas.

Varieti

Bil.	Varieti
1	Tiada